

## Ching Mei Ling

---

**From:** Suai Ge <suaige@ymail.com>  
**Sent:** Saturday, May 24, 2014 9:52 PM  
**To:** Am Hospital Sibu

Kepada Pengarah Hospital Sibu Sarawak, Dr. Ngian  
Kepada pegawai-pegawai atasan

Selamat Pagi. Saya ialah ahli keluarga bagi nenek saya, pesakit dari wad 25 yang meninggal dunia pada bulan February iaitu 22/2/2014.

Di sini saya mewaikili keluarga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pihak Hospital, kakitangan, doctor yang bertugas dan jururawat.

Tanpa bantuan pihak hospital dan sebagainya, nenek dan keluarga saya mesti susah mengatasi masalah dan melalui masa itu.

Di sini, tujuan saya selain mengucapkan terima kasih. Perkara kedua yang kami amat menghargai jasa - jasa beberapa jururawat yang kami ingin puji.

Semasa Nenek saya memasuki hospital sepanjang masa itu, kami sekeluarga menghadapi banyak tekanan dan ketakutan. Tetapi mereka telah menunjukkan prentasi yang amat baik dan memberi keyakinan kepada kami sekeluarga supaya kami dapat mengatasi dari banyak segi.

Mungkin bagi lain orang atau kepada jururawat lain, ini mungkin hanya pekerjaan sahaja ataupun tidak payah menaruh banyak hati terhadap perkara ini.

Walaupun ada jururawat tidak memberi ataupun pegang prinsip atau sasaran yang ditetap oleh pihak hospital. Tetapi bagi kami...kami merasai Tanggungjawab dan Berkhidmat dengan sukarela yang ditunjuk oleh beberapa jururawat ini. Sifat yang dikeluarkan oleh mereka dapat memberi kekuatan kepada kami semua. Sebab itulah kami amat hargai jasa-jasa mereka. Dan amat berharap beberapa jururawat ini dapat dihargai dan jadi teladan kepada jururawat lain.

Jururawat yang kami masih rindui dan hargai yang bertugas dari wad 25 pada 8/2/2014 hingga 22/2/2014 ialah,

- 1.) Jururawat Ms. Law
- 2.) Jururawat Ms Azura
- 3.) Jururawat Ms Dora

Meraka ini telah menunjukkan prentasi yang amat bagus, tanggungjawab yang amat bernyawa dan Sikap yang memberi keselesaan, keyakinan dan kekuatan kepada ahli keluarga pesakit. Saya sama keluarga saya dapat merasai nenek saya, amat terharu dan ingin berterima kasih (walaupun nenek saya sekarang berada di syurga) kepada beberapa jururawat yang disebut kerana atas jagaan mereka ini, kesakitan nenek dikurangkan dan dia boleh senyum disebabkan jagaan mereka. Terima Kasih!

Saya harap pihak hospital dapat menyampaikan suara hati kami semua kepada beberapa jururawat ini dan kami akan berdoa agar beberapa jururawat ini selalu sihat dan all the best.

Sekian Sahaja.

Terima Kasih.

Best Regards